

**ARKIB MAKLUMBALAS PERTANYAAN / PENDAPAT / CADANGAN
DARIPADA ORANG AWAM
JANUARI HINGGA DISEMBER 2016**

BIL	NAMA PENGGUNA / eMEL	MAKLUMBALAS PERTANYAAN / PENDAPAT / CADANGAN	TARIKH MAKLUMBALAS / PERTANYAAN	MAKLUMBALAS / JAWAPAN / TINDAKAN	TARIKH MAKLUMBALAS / JAWAPAN
1.	Huei Niang [huei@hueico.com]	<p>PERTANYAAN : UNTUK SEMAK ALAMAT / TUKAR ALAMAT - KOD AKAUN T-100010041-01</p> <p>Majlis Daerah Tanjong Malim Tuan/Puan,</p> <p>Ng Shih Shing Tuan punya Hartanah Tanah Dusun (Tiada peti surat untuk kutipan surat) di alamat No. 7, Jalan Bunga Melur 3, Diamond Creeks, 35900 Tanjong Malim. Dahulu Borang I pindahmilik telah difailkan. Selepas 18 Jan 2015 (faks sahaja), Ng Shih Shing tidak pernah menerima sebarang bil Cukai Taksiran. Setiap Separuh Tahun Pertama dan Separuh Tahun Kedua di laman web tetapi di laman web hanya ada nama Ng Shih Shing tetapi tidak ada maklumat seperti "alamat hartanah". Ng Shih Shing hendak membuat pertukaran alamat untuk pos-mengepos kerana beliau telah pindah alamat. Kerana beliau tidak menerima Bil Cukai Tanah2016, beliau tidak ada tempat untuk mengisi untuk memaklumkan kepada Majlis Daerah Tanjong Malim supaya Bil Julai 2016 boleh diposkan kepada beliau. Saya juga telah menyemak laman web www.mdtm.gov.my. Dalam laman web tiada muatan dokumen untuk pemberitahuan pertukaran alamat untuk menerima Notis Bayaran Cukai Taksiran. Oleh sebab itu, kami ingin memohon sesalinan Bil Cukai Tanah Terkini (depan dan belakang) supaya Ng Shih Shing boleh mengisi pertukaran Alamat di belakangnya.</p> <p>Sekian. Terima kasih.</p>	Sent: 3/3/2016 12:17 PM	<p>Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia,</p> <p>Terima kasih di atas pertanyaan / maklumbalas yang diberikan. Perkara tersebut akan dipanjangkan ke Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MDTM untuk tindakan dan maklumat lanjut. Sebarang pertanyaan lanjut juga boleh terus berhubung melalui talian telefon di nombor 05-4563429. Sekian dimaklumkan dan terima kasih.</p> <p>-Admin Portal MDTM-</p>	Replied: 3/4/2016 9:58 AM
2.	afifah amir [afifahamir27@gmail.com]	<p>PERTANYAAN : MEMOHON BAGI MENDAPATKAN DATA JUMLAH PENERAI BERDAFTAR DI PASAR MALAM TANJONG MALIM</p> <p>Assalamualaikum dan salam sejahtera,</p>	Sent: 3/28/2016 5:45 PM	<p>Walaikumussalam.</p> <p>Permohonan tersebut telah dipanjangkan Ke Bahagian Pelesenan, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan untuk tindakan lanjut. Cik/Puan juga boleh terus menghubungi talian 05-</p>	Replied: 3/30/2016 12:19 PM.

		<p>Cik/En/Pn/Tuan, Berkenaan dengan perkara di atas, saya Nurafifah Binti Che Amir dari Universiti Pendidikan Sultan Idris ingin memohon bagi mendapatkan data jumlah penggerai berdaftar di pasar malam Tanjong Malim. Sebagai maklumat pihak tuan/puan, saya memerlukan data berkenaan bagi melengkapkan kajian saya mengenai pencemaran bau di pasar malam Tanjong Malim. Oleh itu, saya ingin mengetahui apakah prosedur yang perlu saya lalui bagi mendapatkan data berkenaan. Segala kerjasama dari pihak tuan/puan saya susuli dengan ucapan terima kasih.</p>		<p>4563446 untuk sebarang pertanyaan. Sekian dimaklumkan.</p> <p>-Bahagian Pentadbiran-</p>	
3.	<p>Siti Najwa [wa_azlan@yahoo.com]</p>	<p>PERTANYAAN : MENGENAI LATIHAN INDUSRTI</p> <p>Assalamualaikum, saya Siti Najwa pelajar dari Politeknik Merlimau Melaka. Saya ada emailkan resume, surat pengesahan politeknik, surat jawapan dan juga result ke email mdtmalim. Maaf bertanya, dokumen yang saya emailkan itu dah sampaikan ke unit Latihan Industri ke belum ya?</p>	<p>Sent: 4/11/2016 10:51 AM</p>	<p>Walaikumussalam.</p> <p>Pertanyaan berkenaan status permohonan latihan Industri boleh diajukan kepada Pn. Suzilawati di talian 05-4563406. Sekian dimaklumkan.</p> <p>-Bahagian Pentadbiran-</p>	<p>Replied: 4/11/2016 11:55 AM</p>
4.	<p>Maizatul Akmar Binti Kamal Bah [zoey_mm1418@yahoo.com]</p>	<p>PENDAPAT : MENCERIAKAN KAWASAN PEKAN TANJONG MALIM</p> <p>Memandangkan kawasan Tanjong Malim dikenali sebagai Bandar Belia, di sini saya hanya memberi cadangan untuk menceriaikan kawasan di sekitar Tanjong Malim dengan lukisan-lukisan mural dalam bentuk 2 Dimensi atau 3 Dimensi di dinding bangunan terutama sekali pada bangunan lama. ini kerana untuk menarik minat pelancong dan penduduk di kawasan Tanjong Malim apabila mereka pergi ke pekan Tanjong Malim yang penuh dengan sejarah. Selain itu, lorong-lorong yang terbiar ataupun di belakang bangunan pula, hendaklah di hias dengan hasil seni kreatif seperti yang saya sertakan gambar contoh yang diberi.. saya anak jati Tanjong Malim dan saya juga ingin melihat perubahan mengikut arus pemodenan di tempat kelahiran saya. tak salah jika kita melakukan perubahan untuk penduduk disekitar sini sekaligus dapat jadikan kawasan Tanjong Malim sebagai tempat pelancongan yang baru. kalau boleh, tanam pokok yang macam sakura di Alor Setar tu pun ok juga..hehe :) sekian, itu sahaja cadangan saya setakat ini nanti kalau ada cadangan lain.</p>	<p>Sent: 2016-05-03 09:55:17</p>	<p>Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam Perak Aman Jaya.</p> <p>Terima kasih di atas cadangan dan maklumbalas yang diberikan. Pihak Majlis sangat mengalu-alukan cadangan tersebut dan khususnya daripada orang ramai. Cadangan tersebut akan dipanjangkan ke Jabatan Perancangan Pembangunan untuk tindakan selanjutnya.</p> <p>-Admin Portal MDTM-</p>	<p>Replied: 2016-05-03 11:41:01</p>

5.	<p>Nor Asyikin Mohd Naser [asykin@rusnahlohng.com]</p>	<p>PERTANYAAN : SALINAN RESIT BAYARAN CUKAI TAKSIRAN 2016 HANISAH BINTI ABU BAKAR NO. AKAUN T100014430-0</p> <p>Tuan/Puan,</p> <p>Dengan hormat, kami merujuk kepada perkara di atas. Kami sedang dalam urusan untuk membuat pindahmilik hartanah ke atas nama Puan Hanisah Binti Abu Bakar bagi hakmilik H.S.(D) 1161 PT 16760, Daerah Muallim, Mukim Hulu Bernam Timor, Negeri Perak di Pejabat Tanah.</p> <p>Sehubungan itu, kami memerlukan salinan resit/perakuan bahawa cukai taksiran bagi hartanah tersebut telah dibayar. Untuk makluman, Pn. Hanisah telah membuat bayaran cukai taksiran tersebut sebanyak RM72.90 melalui Maybank2u pada 22/1/2016.</p> <p>Berikut adalah maklumat berhubung cukai taksiran tersebut: Nama : Hanisah Binti Abu Bakar No. Akaun: T100014430-0 Alamat : No. 46, Jalan KMP 1/7, Kota Malim Prima, 35900 Tanjong Malim, Perak</p> <p>Kami lampirkan sesalanan bil cukai tanah dan resit bayaran melalui Maybank2u. Resit/perakuan tersebut boleh difakskan kepada kami di Tetuan Rusnah Loh Ng & Co , 05-2541611 atau melalui email kepada kami di asykin@rusnahlohng.com atau secara pos kepada Tetuan Rusnah Loh Ng & Co, No. 2 & 4, Jalan Lau Ek Ching, 30300 Ipoh, Perak.</p> <p>Pohon bantuan dengan kadar segera bagi membolehkan kami membuat urusan pendaftaran pindahmilik ini di Pejabat Tanah.</p> <p>Sekian, terima kasih.</p>	<p>Sent: 5/4/2016 11:32 AM</p>	<p>Salam Sejahtera dan Salam Perak Aman Jaya,</p> <p>Perkara ini akan dipanjangkan ke Jabatan Perbendaharaan serta Jabatan Penilaian & Pengurusan harta untuk tindakan dan maklumbalas selanjutnya. Sekian dimaklumkan dan terima kasih.</p> <p>-Bahagian Pentadbiran-</p> <p>Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia,</p> <p>Berikut dipanjangkan Salinan Penyata Bil Cukai Taksiran terkini bagi penama Hanisah binti Abu Bakar No. Akaun T100014430-0</p> <p>Sekian dimaklumkan dan terima kasih.</p> <p>-Bahagian Pentadbiran-</p>	<p>Replied: 5/4/2016 4:55 PM</p> <p>Replied: 5/6/2016 11:58 AM.</p>
6.	<p>Hayati [hayatichedan28@gmail.com]</p>	<p>PERTANYAAN : MENGENAI LATIHAN INDUSRTI</p> <p>Adakah pelajar praktikal diterima di jabatan tuan/puan.</p>	<p>Sent: 19/4/2016 15:19 PM</p>	<p>Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam Perak Aman Jaya.</p> <p>Terima kasih di atas pertanyaan yang diberikan. Untuk makluman, pihak majlis menerima</p>	<p>Replied: 20/4/2016 15:00 PM.</p>

				<p>permohonan daripada pelajar Institusi Pengajian Tinggi untuk menjalankan latihan Industri di Majlis Daerah Tanjong Malim. Walau bagaimanapun, pelajar tersebut hendaklah mengemukakan permohonan terlebih dahulu dan kemasukan adalah berdasarkan kekosongan yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis. Sekian dimaklumkan dan terima kasih.</p> <p>-Admin Portal MDTM-</p>	
7.	<p>Maizatul Akmar Binti Kamal Bah zoey_mm1418@yahoo.com</p>	<p>CADANGAN : MENCERIAKAN KAWASAN PEKAN TANJONG MALIM</p> <p>Memandangkan kawasan Tanjong Malim dikenali sebagai Bandar Belia, di sini saya hanya memberi cadangan untuk menceriakan kawasan di sekitar Tanjong Malim dengan lukisan-lukisan mural dalam bentuk 2 Dimensi atau 3 Dimensi di dinding bangunan terutama sekali pada bangunan lama. ini kerana untuk menarik minat pelancong dan penduduk di kawasan Tanjong Malim apabila mereka pergi ke pekan Tanjong Malim yang penuh dengan sejarah. Selain itu, lorong-lorong yang terbiar ataupun di belakang bangunan pula, hendaklah di hias dengan hasil seni kreatif seperti yang saya sertakan gambar contoh yang diberi.. saya anak jati Tanjong Malim dan saya juga ingin melihat perubahan mengikut arus pemodenan di tempat kelahiran saya.. tak salah jika kita melakukan perubahan untuk penduduk disekitar sini sekaligus dapat jadikan kawasan Tanjong Malim sebagai tempat pelancongan yang baru. kalau boleh, tanam pokok yang macam sakura di Alor Setar tu pun ok juga..hehe :) sekian, itu sahaja cadangan saya setakat ini nanti kalau ada cadangan lain, saya tulis lagi. terima kasih :)</p>	<p>Sent: 3/5/2016 09:55 AM</p>	<p>Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam Perak Aman Jaya.</p> <p>Terima kasih di atas cadangan dan maklumbalas yang diberikan. Pihak Majlis sangat mengalu-alukan cadangan tersebut dan khususnya daripada orang ramai. Cadangan tersebut akan dipanjangkan ke Jabatan Perancangan Pembangunan untuk tindakan selanjutnya.</p> <p>-Admin Portal MDTM-</p>	<p>Replied: 3/5/2016 11:41 AM.</p>
8.	<p>Joyce Lee admin@musnawar.com</p>	<p>PERTANYAAN : CUKAI TAKSIRAN</p> <p>Selamat petang, I sudah bayar cukai taksiran RM979.80 (setahun) pada 25/2/2016 sebelum 28/2/2016. Tetapi I terima bil Cukai Taksiran yang kedua menyatakan saya perlu bayar RM30.00. Apakah bayaran RM30.00 itu?</p>	<p>Sent: 7/5/2016 12:27 PM</p>	<p>Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam Perak Aman Jaya.</p> <p>Terima kasih di atas aduan dan maklumbalas yang diberikan. Perkara tersebut akan dipanjangkan ke Jabatan Perbendaharaan, MDTM untuk makluman dan tindakan selanjutnya.</p> <p>-Bahagian Pentadbiran-</p>	<p>Replied: 10/5/2016 11:41 AM.</p>

9.	<p>Husna [khairunnisahusna13@gmail.com]</p>	<p>PERTANYAAN : JAWATAN KOSONG</p> <p>Bagaimanakah cara untuk memohon jawatan kosong di jabatan ini?</p>	<p>Sent: 8/8/2016 15:21 PM</p>	<p>Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam Perak Aman Jaya.</p> <p>Sebarang permohonan jawatan adalah melalui borang permohonan yang dibeli daripada pihak Majlis atau melalui permohonan online melalui Portal Gerbang Perak. Walau bagaimanapun, permohonan jawatan kosong akan diterima dan diproses sekiranya terdapat jawatan kosong seperti yang diiklankan oleh pihak Majlis. Oleh Yang demikian, pihak cik/puan dinasihatkan hanya menghantar permohonan kepada pihak Majlis setelah jawatan kosong dikeluarkan secara rasmi melalui laman web MDTM atau media social MDTM.</p> <p>-Admin Portal MDTM-</p>	<p>Replied: 9/8/2016 9:59 AM.</p>
10.	<p>Mior Abd Hisham bin Mohd Shimi [HISHAMMS@proton.com]</p>	<p>PERTANYAAN : PERTUKARAN ALAMAT</p> <p>Sukacita dimaklumkan bahawa saya telah berpindah tempat tinggal dan oleh itu semua surat/dokumen hendaklah di alamatkan kepada: Mior Abd Hisham bin Mohd Shimi No.91, Lot 3621, Jalan Haji Damansor Kg. Jenjarom, 42600 Kuala Langat Selangor.</p> <p>Alamat Harta:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. No.682, Jalan Haruan, Taman Bernam Fasa3 2. A5-00-04 Damiana Apartment, Proton City <p>Saya memohon kerjasama dan perhatian pihak tuan untuk mengemaskini dokumen yang berkaitan demi kemudahan bersama. Sekian terima kasih.</p>	<p>Sent: 24/8/2016 12:26 PM</p>	<p>Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam Perak Aman Jaya.</p> <p>Terima kasih, permohonan tuan/puan akan dipanjangkan ke Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta MDTM untuk tindakan selanjutnya. Untuk maklumat lanjut tuan/puan boleh berhubung dengan Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta di talian 05-4563429. Sekian dimaklumkan.</p> <p>-Bahagian Pentadbiran-</p>	<p>Replied: 25/8/2016 3:57 PM</p>
11.	<p>Tun N. Solihin A. Rahman [tunnsolihin@yahoo.com]</p>	<p>CADANGAN : PENAMBAHBAIKAN TANJUNG MALIM</p> <p>Assalamualaikum dan salam sejahtera,</p> <p>Saya menulis ini adalah untuk memberikan cadangan penambahbaikan untuk daerah Mualim umumnya dan bandar Tanjong Malim khususnya. Saya telah mendiami Tanjong Malim selama 7 tahun dan apa saya lihat hari ini, tidak jauh berbeza dan pembangunan tidak serancak seperti bandar-bandar lain. Daerah mualim mempunyai potensi besar</p>	<p>Sent: 25/8/2016 3:45 PM</p>	<p>Salam Sejahtera dan Salam Perak Aman Jaya,</p> <p>Terima kasih di atas cadangan yang diberikan. Cadangan ini akan dipanjangkan ke Jabatan Perancangan Pembangunan, MDTM untuk tindakan dan maklumbalas selanjutnya. Sekian dimaklumkan dan terima kasih.</p> <p>-Bahagian Pentadbiran-</p>	<p>Replied: 25/8/2016 4:01 PM.</p>

	<p>sebagai institusi ilmun, pusat automotif negara, dikelilingi khazanah alam banjaran titiwangsa. Tapi malangnya, potensi ini tidak dieksploitasi dan tidak dimajukan. Berikut adalah cadangan saya:</p> <ol style="list-style-type: none">1) Mewujudkan pusat pentadbiran baru daerah Muallim dengan menamakan semula Bandar Behrang 2020 sebagai Bandar Muallim.2) Mewujudkan padang rehlah keluarga dengan mengambilalih padang UPSI (Kampus Sultan Abdul Jalil) untuk kegunaan awam dimana ia dijadikan padang bandaran seperti mana Dataran Merdeka atau dataran bandaran yang lain.3) Menaik taraf laluan dihadapan UPSI (Kampus Sultan Abdul Jalil) sebagai Muallim Avenue untuk kegunaan majlis keramaian dan sebagainya4) Laluan antara UPSI dan Stesen Keretapi Tjg Malim adalah laluan utama pejalan kaki dan pengguna basikal. Pihak majlis perlu berusaha menaik taraf Tanjung Malim kepada mesra pejalan kaki dan pengguna basikal. Tidak perlu stamped concrete, cukuplah seperti mana DBKL lakukan untuk pejalan kaki, plain concrete flooring with fences and greenery.5) Serentak dengan menaik taraf laluan dihadapan UPSI sebagai Muallim Avenue, pastinya menjadi kesusahan bagi pihak Polis, Bomba dan Klinik Kesihatan. Dicadangkan memindahkan pihak Polis, Bomba dan Klinik Kesihatan ke kawasan pentadbiran baru, Bandar Muallim.6) Konsep landskap Tanjung Malim boleh dikatakan tiada abstrak, tiada jiwa dan tidak menarik. Seharusnya pihak majlis menjadi lebih kreatif. Menggunakan pasu dari relung simen seperti ditepi laluan keretapi di hadapan Pejabat Pos Tanjung Malim atau sekadar pasu binaan simen seperti di tengah Pekan Tanjung Malim, secara langsung melihatkan pihak majlis tiada solid idea untuk memperindahkan Tanjung Malim. Seharusnya, rekaan pasu perlulah selaras/standard dan unik untuk Tanjung Malim. Pasu standard ini perlulah digunakan untuk seluruh tempat didalam daerah. Susunan bunga bunga seperti di simpang empat di hadapan Pau Yik Mun terlalu tinggi dan menampakkan batang pokok dan tanah.7) Tiada pancuran air. Pentingnya pancuran air ini kerana mampu menyerikan lagi pekan Tanjung Malim.8) Sejak pembinaan laluan berkembar keretapi, Pekan			
--	---	--	--	--

	<p>Tanjung Malim terbahagi kepada dua. Dicadangkan untuk membina laluan bawah seperti di Pekan Rasa.</p> <p>9) Berkerjasama dengan pihak Majlis Daerah Baling untuk mendapatkan khidmat nasihat bagaimana mereka mengusahakan Pusat Rekreasi Air Panas Ulu Lagong. Konsep yang sama boleh diterapkan untuk memajukan Kolam Air Panas Ulu Slim</p> <p>10)Berkerjasama dengan KTM untuk mengadakan pameran di Stesen Keretapi sekitar daerah Muallim bagi mempromosikan daerah.</p> <p>11) Berkerjasama dengan pihak berkaitan untuk membina jalan menghubungkan Bagan Dato' dan Raub Pahang. Laluan ini amat berpotensi kerana mampu menjadi penghubung antara Barat dan Timur, dan Tanjung Malim di tengahnya.</p> <p>12) Menaiktaraf dan merekabentuk semula stesen bas Tanjung Malim yang sudah using. Konsep Terminal Kuantan Sentral boleh digunakan sebagai contoh yang terbaik.</p> <p>13) Membangunkan semula kawasan Dewan Lama Majlis kepada kompleks sukan belia sebagaimana Kompleks Rakan Muda Puchong.</p> <p>14) Keadaan kawasan riadah Sungai Bil adalah kotor, tidak terurus dan tercemar tanpa pemantauan. Pihak majlis seharusnya belajar dari Majlis Daerah Hulu Selangor bagaimana mereka memastikan kawasan riadah dibawah seliaan mereka terurus tanpa sebarang caj dikenakan kepada pengunjung.</p> <p>15) Dalam memastikan Tanjung Malim unik, saya mengusulkan pihak majlis agar memantau rekabentuk rumah kedai di Tanjung Malim. Rekaan seharusnya selaras dengan identiti setempat. Adalah menjadi unik jika kesemua rumah kedai mempunyai rekabentuk standard.</p> <p>16) Mempercepatkan kelulusan pembinaan hypermarket seperti Giant atau Mydin kerana ini adalah menjadi punca mengapa Tanjung Malim masih suram seperti dahulu. Dengan adanya hypermarket, ekonomi Tanjung Malim akan menjadi lebih rancak. Setakat ini dulu surat cadangan saya, dan saya berharap Tanjung Malim akan lebih progresif, kreatif dan bukannya pasif seperti sekarang. Sekian, terima kasih</p> <p>Tun,Proton City</p>			
--	--	--	--	--

12.	Irfeyzis Khan Md Idrish ifeykhan_muslim@yahoo.com	<p>CADANGAN : PERUBAHAN DI DAERAH MUALLIM</p> <p>Assalamualaikum/Salam Sejahtera,</p> <p>Tuan,</p> <p>Saya ingin mencadangkan agar perkhidmatan tren Komuter dapat diadakan dari stesen KTM Slim River ke Sentral Kuala Lumpur berikutan Slim River dan Tanjong Malim kini diangkat kepada status bandar. Selain daripada itu, semenjak Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS) diperkenalkan, kebanyakan warga sekitar Slim River sering menggunakan perkhidmatan tren ini. Sehubungan dengan itu, saya berharap pihak tuan akan membawa isu ini kepada saluran yang betul. Sejuta terima kasih kerana mempertimbangkan cadangan ini.</p>	Sent: 25/8/2016 10:18 PM	<p>Salam Sejahtera dan Salam Perak Aman Jaya,</p> <p>Terima kasih di atas cadangan yang diberikan. Cadangan ini akan dipanjangkan ke Jabatan Perancangan Pembangunan, MDTM untuk tindakan dan maklumbalas selanjutnya. Sekian dimaklumkan dan terima kasih.</p> <p>-Bahagian Pentadbiran-</p>	Replied: 26/8/2016 3:21 PM.
13.	Zahiran Hamzah zahiranhamzah@gmail.com	<p>CADANGAN: HENTIAN BERBUMBUNG (BUS STOP) DI HADAPAN PAGAR SKTM.</p> <p>Salam.</p> <p>Amatlah besar harapan kami sekiranya pihak majlis dapat menyediakan hentian berbumbung seperti bus stop di hadapan Sekolah Kebangsaan Tanjong Malim bagi membolehkan murid berteduh sementara menunggu kedatangan ibu bapa mereka.</p> <p>Zahiran Hamzah, PIBG SKTM</p>	Sent: 28/8/2016 12:31 AM	<p>Salam Sejahtera dan Salam Perak Aman Jaya,</p> <p>Terima kasih di atas cadangan yang diberikan. Cadangan ini akan dipanjangkan ke Jabatan Perancangan Pembangunan, MDTM untuk tindakan dan maklumbalas selanjutnya. Sekian dimaklumkan dan terima kasih.</p> <p>-Bahagian Pentadbiran-</p>	Replied: 29/8/2016 11:14 AM.
14.	FMS Dr. Kamal shahnulkamal2003@yahoo.com	<p>CADANGAN: UNTUK MUALLIM.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Daerah Muallim perlukan pusat pentadbiran baru yang lebih centralized dan tersusun seperti Putrajaya. Behrang 2020 atau Proton City sesuai bagi tujuan itu. 2. Infrastruktur lampu jalan. Tiang lampu banyak tapi banyak yang gelap dari menyala. Jalan menuju ke Proton City sangat gelap dari jalan besar dekat pasaraya billion (dulu) / juga dari arah taman bernam. Banyak kemalangan telah berlaku. 3. Sebuah pasaraya juga ditagih oleh penduduk di sini seperti yang dapat dibina di slim river. Penduduk tanjong malim ramai berbelanja di Selangor – Bukit Beruntung / Rawang sebab tiada kemudahan hypermarket di sini. 	Sent: 30/8/2016 12:23 PM	<p>Salam Sejahtera dan Salam Perak Aman Jaya,</p> <p>Terima kasih di atas cadangan yang diberikan. Cadangan ini akan dipanjangkan ke Jabatan Perancangan Pembangunan, MDTM untuk tindakan dan maklumbalas selanjutnya. Sekian dimaklumkan dan terima kasih.</p> <p>-Bahagian Pentadbiran-</p>	Replied: 30/8/2016 12:27 PM.

15.	Zul [beemer1545@yahoo.com]	<p>CADANGAN : LARANGAN MEMBELOK DEPAN KUIL HINDU</p> <p>Sudah menjadi kelaziman bagi kami penduduk sekitar Simpang Empat khasnya dan penduduk Tg. Malim amnya menggunakan alternatif untuk membelok ke kanan di hadapan Kuil Hindu selepas persimpangan untuk ke kanan. Kebelakangan ini didapati pihak polis sering menyaman pengguna yang menggunakan alternatif tersebut. Saya ingin mencadangkan agar pihak Majlis memanjangkan pembahagi jalan di situ agar pengguna tidak lagi boleh membelok ke kanan atau sekurang2nya meletakkan papantanda dilarang membelok. Sebagai pihak berkuasa tempatan, kolaborasi antara agensi adalah penting demi kesejahteraan penduduk setempat khasnya antara PDRM dan Majlis. Buat masa ini tiada papantanda di larang membelok dan ruang yang ada seolah-olah membolehkan pengguna membelok.</p>	Sent: 5/10/2016 10:25 AM	<p>Salam Sejahtera dan Salam Perak Aman Jaya,</p> <p>Terima kasih di atas cadangan yang diberikan. Cadangan ini akan dipanjangkan ke Jabatan Perancangan Pembangunan serta Jabatan Kejuruteraan dan Kawalan Bangunan, MDTM untuk tindakan dan maklumbalas selanjutnya. Sekian dimaklumkan dan terima kasih.</p> <p>-Bahagian Pentadbiran-</p>	Replied: 5/10/2016 10:51 AM.
16.	Rachael Tharshini [rachael.tharshini@gmail.com]	<p>PERTANYAAN : PERKHIDMATAN PROFESSIONAL MENANGKAP ANJING LIAR</p> <p>Selamat sejahtera, nama saya Rachael. saya ingin bertanya jika MDTM ada menyediakan perkhidmatan professional menangkap anjing liar?</p> <p>Terima kasih kerana sudi membaca dan saya berharap mendapat respon daripada pihak MDTM.</p>	Sent: 17/12/2016 6:55 PM	<p>Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia,</p> <p>Terima kasih di atas pertanyaan yang diberikan. Pihak MDTM mempunyai anggota yang ditugaskan untuk menangkap anjing liar. Walau bagaimanapun, pihak MDTM turut menjalankan operasi menangkap anjing liar bersama pihak Veterinar. Sekian dimaklumkan dan terima kasih.</p> <p>-Bahagian Pentadbiran-</p>	Replied: 17/12/2016 11:11 AM
17.	DHL© SERVICE [hilchan_11@hotmail.com]	<p>MAKLUM BALAS : KEPUJIAN PENDUDUK TERHADAP PERKHIDMATAN MDTM</p> <p>Pembersihan rumput rumpai yang tersusun dan nampak elok dipandang. Imej ini dapat dikekalkan. Syabas kepada bahagian dan prestasi KBI yang mantap.</p> <p>Daripada, Cikgu Han</p>	Sent: 20/12/2016 1:40 PM	<p>Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia,</p> <p>Terima kasih diatas maklumbalas yang diberikan. Pihak MDTM akan memastikan mutu perkhidmatan dapat dipertingkatkan demi kesejahteraan penduduk Daerah Muallim.</p> <p>-Admin Portal-</p>	Replied: 20/12/2016 2:35 PM
18.	Amilia Haida [amiliahaida@goplay.com.my]	<p>PERTANYAAN: BERKENAAN LANDSKAP ATAU TAMAN PERMAINAN</p>	Sent: 23/12/2016 12:07 PM	Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia,	Replied: 23/12/2016 3:22 PM

	<p>Tuan / Puan</p> <p>Nama saya Amilia. Saya dari syarikat Go Play Sdn. Bhd.</p> <p>Syarikat saya sedang membuat kajian tentang landskap yang memerlukan taman permainan di semenanjung Malaysia. Oleh itu, saya memerlukan maklumat atau nombor yang saya boleh berhubung untuk mendapat kan maklumat tersebut.</p> <p>Harap pihak tuan/puan dapat bantu.</p> <p>Thanks and Regards,</p> <p>Amilia Haida Marketing Consultant Manager</p>		<p>Terima kasih di atas pertanyaan yang diberikan. Perkara ini telah dipanjangkan ke Jabatan Perancangan Dan Pembangunan MDTM untuk makluman dan tindakan lanjut. Atau pihak tuan/puan boleh menghubungi talian 05-45634113 untuk pertanyaan. Sekian dimaklumkan dan terima kasih.</p> <p>-Bahagian Pentadbiran-</p>	
--	--	--	--	--